



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI PSIKOLOGI PENDIDIKAN (B.2 EB.3)
JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PSIKOLOGI PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Psikologi / Psikologi Pendidikan (*Professional Training*) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai perkara-perkara berikut adalah merupakan kelebihan:
 - a) Mempunyai kelulusan *M-Teach* atau Diploma / Sijil Pendidikan atau Diploma / Sijil Pendidikan Khas / Pendidikan Inklusif atau sebanding.
 - b) Menjadi Ahli Kepada Badan Profesional yang diiktiraf dalam bidang berkaitan.
 - c) Pengalaman dalam bidang Psikologi / Psikologi Pendidikan dan / atau Pendidikan Khas / Inklusif tidak kurang dari dua (02) tahun.
 - d) Pengalaman mengajar dalam kelas aliran perdana dan / atau kelas Pendidikan Khas peringkat rendah atau menengah tidak kurang dari dua (02) tahun.
3. Pegawai Psikologi Pendidikan yang baru berkhidmat dan belum mempunyai kelulusan *M-Teach* atau Diploma / Sijil Pendidikan atau Diploma/Sijil Pendidikan Khas / Pendidikan Inklusif adalah dikehendaki mengikuti kursus dan lulus dalam tempoh 3 tahun mulai dari tarikh dilantik ke Jawatan ini.
4. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan tugas-tugas sebagai Pegawai Psikologi Pendidikan dengan memberi perkhidmatan ke sekolah-sekolah:
 - a) Menjalankan penilaian yang bersesuaian seperti psikometrik dan / atau diagnostik untuk mengenal pasti keperluan pelajar.



- b) Menjalankan konsultasi bersama pihak sekolah, ibu bapa / penjaga dan pihak berkepentingan dalam merancang program pembelajaran dan kaedah-kaedah pengajaran.
 - c) Menyediakan laporan-laporan pelajar yang telah diberikan perkhidmatan.
 - d) Memberi latihan / bengkel berterusan untuk pegawai-pegawai / guru-guru / ibu bapa / penjaga yang ada kaitan dengan Pendidikan Khas / Inklusif.
2. Membantu Ketua Perkhidmatan Psikologi Pendidikan dan Pegawai Psikologi Pendidikan Tingkat Khas dalam pelaksanaan tugas-tugas dan tanggungjawab Perkhidmatan Psikologi Pendidikan;
 3. Membantu dalam menyediakan rancangan kerja tahunan, laporan rancangan kerja dan anggaran perbelanjaan Perkhidmatan Psikologi Pendidikan;
 4. Bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan, agensi-agensi tempatan dan luar untuk menyokong dan mencapai agenda Kementerian Pendidikan mengenai Pendidikan Khas / Inklusif;
 5. Membuat penyelidikan dan menjalankan projek-projek yang berkaitan dengan Psikologi dan / atau Pendidikan Khas / Inklusif; dan
 6. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan / pihak atasan dari semasa ke semasa.